

TAJ AL-SALATIN BUKHARI AL-JAUHARI: MENELUSURI WARISAN SILAM DALAM MEMBENTUK MODAL INSAN MASA HADAPAN

Mhd Noor Mhd Said & Shaiful Bahri Md. Radzi

Email: zhaoyang@unimap.edu.my / sbmr@ukm.my

Tel: +60192637031

Abstrak

Taj al-Salatin karya Bukhari al-Jauhari adalah karya yang berfungsi memberikan cadangan, anjuran dan nasihat terhadap perilaku yang seharusnya dimiliki oleh seseorang pemimpin berteraskan Islam. Karya karangan tahun 1603 di Aceh ini yang diklasifikasikan dalam perbendaharaan warisan kesusasteraan Melayu tradisional sebagai genre ketatanegaraan berfungsi bagi membentuk peribadi pemimpin berkualiti yang dinamai Bukhari sebagai 'Yang berakal' dan 'Yang berbudi.' Kualiti diri 'Yang berakal' dan 'Yang berbudi' ini antara lain adalah pemimpin yang memahami tugas dan tanggungjawab; beriman dan beramal salih; mengamalkan sifat sederhana; bijaksana; mendampingi kehidupan rakyat; menghormati ulama; menjadikan peribadi yang adil pada masa lalu sebagai contoh; dan mengasihi rakyat. Segala yang diutarakan Bukhari ini adalah selari dengan matlamat pembangunan modal insan yang dihasratkan Tun Abdullah Ahmad Badawi pada 31 Mac 2006 dalam berusaha ke arah pembentukan individu yang berketrampilan – perkasa diri dari segi fizikal, jasmani, intelek dan rohani. Modal insan itu adalah individu yang berilmu, berkeyakinan, mempunyai nilai murni dan moral yang tinggi, beretika, berbudi pekerti, bersopan santun, berdisiplin, dinamik, inovatif, kreatif, sihat, bersemangat patriotik, adil, progresif, cekal dan berdaya saing. Jelasnya, modal insan alaf ke-21 ini adalah sepadan dan seiras 'Yang berakal' dan 'Yang berbudi' Bukhari pada awal abad ke-17 lagi iaitu sekitar 400 tahun lalu. Sehubungan ini, dalam usaha ke arah membangunkan modal insan menerusi sistem pendidikan maka sastera Melayu tradisional khususnya karya *Taj al-Salatin* perlu diambilkira untuk direnungi dan diketengahkan agar pemikiran Melayu silam tidak terabai.

katakunci: *Taj al-Salatin, Bukhari al-Jauhari, warisan silam, modal insan, generasi masa hadapan*

Pengenalan

Tajus al-Salatin karya karangan Bukhari al-Jauhari ditulis pada tahun 1603 di Aceh ketika zaman pemerintahan Sultan Alauddin Ri'ayat Syah Sayid al-Mukammil (1588-1604) (Teuku Iskandar 1995: 386). Kehadiran karya ini menandakan buat pertama kalinya genre ketatanegaraan diperkenalkan di rantau Melayu ini walaupun telah menjadi suatu tradisi yang kukuh di Asia Barat dan tidak terkecuali di Turki dan India. Di rantau baru, populariti karya perintis ini di kalangan khalayak zamannya tidak dapat dinafikan kerana terdapat sejumlah besar salinannya serta tersebar meluas apabila sering dijadikan rujukan (Khalid Hussein 1966: xxiii; Teuku Iskandar 1995: 387 dan Braginsky 1998: 324-325). *Taj al-Salatin* dirujuk dalam menyelesaikan beberapa urusan pentadbiran umpamanya ketika dijadikan sandaran pemilihan permaisuri menjadi raja di Aceh selepas kemangkatan Sultan Iskandar Thani; Raja Hussein Singapura menolak usul dagang Raffles; Sultan Jogja dan Solo merujukinya bagi *Perlis, Malaysia, 29-31 Mac 2010*

melaksanakan tugas negara selain dijadikan bahan bacaan pembesar dan masyarakat ramai; dan termasuk Munsyi Abdullah ketika menilai watak Raffles.

Sambutan yang menggalakkan terhadap *Taj al-Salatin* di alam Melayu ini adalah kerana fungsi karya ini yang memberikan cadangan, anjuran dan nasihat terhadap perilaku yang seharusnya dimiliki oleh seseorang pemimpin berteraskan Islam. Peribadi pemimpin berkualiti ini dinamai Bukhari sebagai 'Yang berakal' dan 'Yang berbudi' yang antara lainnya adalah pemimpin yang memahami tugas dan tanggungjawab; beriman dan beramal salih; mengamalkan sifat sederhana; bijaksana; mendampingi kehidupan rakyat; menghormati ulama; menjadikan peribadi yang adil pada masa lalu sebagai contoh; dan mengasihi rakyat. Dari satu segi, segala yang diutarakan Bukhari ini adalah selari dengan matlamat pembangunan modal insan yang dihasratkan Tun Abdullah Ahmad Badawi ketika pertama kali diutarakan beliau pada 31 Mac 2006 dalam berusaha ke arah

pembentukan individu yang berketrampilan – perkasa diri dari segi fizikal, jasmani, intelek dan rohani. Jelasnya, modal insan alaf ke-21 ini adalah sepadan dan seiras ‘Yang Berakal’ ‘Yang berbudi’ Bukhari pada awal abad ke-17 lagi iaitu 407 tahun lalu. Sehubungan ini, dalam usaha ke arah membangunkan modal insan menerusi sistem pendidikan maka sastera Melayu tradisional khususnya karya *Taj al-Salatin* perlu diambilkira untuk diketengahkan, direnungi dan ditelusuri agar pemikiran Melayu silam tidak terabai.

***Taj al-Salatin* dan Genre Ketatanegaraan**

Selain ketatanegaraan, genre ini juga dikenali sebagai karya adab, cerminan bagi pemimpin dan cermin didaktik (*mirrors for rulers* atau *mirrors for princes* dan *didactic mirror* atau *hidayat*). Secara umumnya, genre ketatanegaraan menganjurkan suatu tatacara kepimpinan berteraskan Islam yang seharusnya dilakukan pemimpin bagi menjamin kualiti diri dalam menegakkan keadilan untuk kemakmuran bersama (Jelani Harun 2003: 13). Jumlah genre ini dalam senarai perbendaharaan warisan kesusasteraan Melayu tradisional agak terhad dan tidaklah sepopular sastera hikayat, historiografi mahupun karya undang-undang. Sungguhpun begitu, kehadiran *Tajus al-Salatin* ke alam Melayu secara langsung memulakan pula tradisi ketatanegaraan yang kemudiannya diikuti *Bustan al-Salatin* (1636) karangan Nuruddin al-Raniri di Aceh; *Thamarat al-Mahammah* (1857) karangan Raja Ali Haji di Pulau Penyengat, Riau dan juga *Adab Raja-raja* (pengarang dan tahun penulisan tidak dapat dipastikan).

Latar belakang Bukhari tidak dapat dipastikan dan setengah pandangan mengandaikannya sebagai ‘Bukhari dari Johor’ selain ‘Bukhari Saudagar Permata’ berdasarkan kepada khaligrafi tulisan jawinya (Khalid Hussain 1966: xv). Karya ini mengandungi 24 fasal serta diselitkan pelbagai genre puisi Arab-Parsi seperti qasidah, mathnawi, qi’tah, dan rubai bagi menyimpulkan setiap hujah yang diperbincangkan. Dari segi isi, Braginsky (1998: 328-332) membahagikan kesemua 24 fasal teks ini kepada empat bahagian berdasarkan kepada dua prinsip utama iaitu prinsip *asl* dan *furu’* (iaitu teras dan cabang) serta prinsip titik fokal (*focal point*). Berdasarkan prinsip ini Bahagian I

terdiri daripada Fasal 1, 2, 3 dan 4 (pengenalan diri, pengenalan Khalik, hakikat hidup duniawi, dan saat kematian); Bahagian II Fasal 5, 6, 7, 8 dan 9 (pemimpin yakni raja); Bahagian III Fasal 10, 11, 12 dan 13 (pembantu raja yang terdiri daripada perdana menteri/wazir, bendahari, hulubalang/panglima, penyurat dan utusan) serta Bahagian IV terdiri daripada Fasal 14 hingga 24 (perincian semula kepada Bahagian I, II dan III). Sungguhpun begitu, baik *Tajus al-Salatin*, *Bustan al-Salatin*, *Thamarat al-Mahammah* mahupun *Adab Raja-raja* semata-mata memberikan nasihat, penerangan, panduan dan pedoman berdasarkan pengalaman dan perlakuan yang pernah dilakukan oleh para pemimpin praIslam dan Islam sahaja sama ada adil atau zalim mahupun yang kafir atau Islam sebagai perbandingan. Pemaparan sifat-sifat keperibadian dan ketokohan dalam menangani urusan pentadbiran pemimpin ini diperlihatkan dan dibincangkan supaya dapat dicerap dan dijadikan teladan oleh khalayaknya. Antara pemimpin zaman praIslam yang sering disebut dalam *Tajus al-Salatin* umpamanya ialah Raja Nusyirwan dan Perdana Menterinya Yunan bagi yang adil tetapi kafir. Tokoh-tokoh lain zaman praIslam ini termasuk juga para nabi seperti Nabi Adam, Nabi Musa, Nabi Yusof, Nabi Daud dan Nabi Sulaiman. Sebaliknya, bagi pemimpin zaman Islam yang sering dijadikan rujukan Bukhari al-Jauhari dalam *Tajus al-Salatin* ialah Nabi Muhammad s.a.w. sendiri dan termasuklah pemimpin-pemimpin selepas baginda seperti Khalifah Abu Bakar al-Siddik (11-13H/632-634M), Khalifah Umar ibnu al-Khattab (13-23H/634-644M), Sulaiman Abdul Malik (96-99H/715-717M) Khalifah ketujuh Bani Umayyah, Omar Abdul Aziz (99-101H/717-720M) Khalifah kelapan Bani Umayyah, dan Harun al-Rashid (170-193H/786-809M) Khalifah kelima Bani Abbasiyah (*Tajus al-Salatin* 1966).

Modal Insan dan Kepincangan Semasa

Berdasarkan teori ekonomi klasik, modal insan (*human capital*) secara umumnya merujuk kepada tenaga kerja, salah satu daripada faktor pengeluaran selain daripada tanah, modal dan pengusaha. Walaupun asalnya berpaksikan ekonomi (Becker 1975) tetapi menerusi masa istilah dan konsep modal insan kemudiannya berubah menjadi begitu signifikan dalam pembangunan sesebuah negara termasuk Malaysia. Dalam konteks ini, modal insan

merujuk kepada kecekapan, pengetahuan dan sahsiah yang dimiliki tenaga kerja dalam keupayaan melaksanakan kerja yang menghasilkan nilai ekonomi. Keupayaan dan kemahiran ini dikuasai pekerja menerusi pendidikan dan pengalaman. Sehubungan itu, subjek yang dirujuk dan menjadi perhatian sebagai modal insan ini adalah generasi muda yang bakal menentukan dan mencorakkan hala tuju negara pada masa hadapan. Golongan yang teramai jumlahnya dalam populasi rakyat Malaysia kini sering dilabelkan dengan ungkapan bakal 'pemimpin masa hadapan.' Oleh itu, tidak keterlaluan untuk menganggap mereka sebagai aset penting dalam pembangunan dan kemajuan negara.

Bagi melahirkan aset berkualiti pada masa hadapan maka pelbagai bentuk pelaburan perlu dibuat ke atas pendidikan, latihan, kesihatan dan prasarana selain menyediakan suasana yang harmoni lebih-lebih lagi dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia. Perancangan rapi dalam menyediakan tapak bagi mereka menimba pendidikan dan kemahiran yang sesuai secara langsung akan membolehkan mereka meningkatkan keupayaan masing-masing. Oleh itu, modal insan yang bakal dihasilkan itu adalah individu yang berilmu, berkeyakinan, mempunyai nilai murni dan moral yang tinggi, beretika, berbudi pekerti, bersopan santun, berdisiplin, dinamik, inovatif, kreatif, sihat, bersemangat patriotik, adil, progresif, cekal dan berdaya saing.

Menerusi kualiti diri yang positif ini maka segala gejala buruk seperti yang berlaku dewasa ini akan dapat dihindari. Kehidupan yang serba pantas seiring dengan fenomena globalisasi memaksa setiap individu itu bergerak pantas untuk bersaing sesama sendiri agar tidak ketinggalan dan tertindas. Dalam kepantasan inilah lahirnya individu yang mementingkan diri sendiri, rakus, angkuh dan tidak bertanggungjawab. Sikap negatif seperti ini akan membawa kepada pelbagai gejala buruk dan kehancuran kepada semua kehidupan di muka bumi baik bagi manusia, tumbuhan mahupun binatang. Lantaran itu terjadilah pelbagai bencana, tragedi, penyelewengan, kemalangan, rasuah, rompakan, dan lain-lain bentuk jenayah termasuk juga pembunuhan yang berlaku dalam penghidupan. Statistik kadar jenayah yang berlaku di seluruh negara melibatkan ragut, kecurian motosikal dan kereta, rogol, bunuh, cubaan bunuh dan rompakan yang turut dilibati generasi muda jelas tergambar dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Statistik Jenayah Negara Tahun 2003 dan 2004

Jenis Jenayah	2003	2004
Ragut	15,798	11,536
Curi Motosikal	50,212	51,560
Curi Kereta	8,537	8,624
Rogol	1,471	1,718
Bunuh	565	565
Cubaan Bunuh	77	92
Rompakan	15,000	14,000
Jumlah	156,315	156,455

Sumber: Diubahsuai dari *New Straits Times* 28 Mac 2005.

Berdasarkan statistik ini, secara umumnya kadar jenayah adalah meningkat dari tahun 2003 hingga 2004 dan amat tinggi iaitu 11,536 kes. Kecurian harta benda seperti motosikal dan kereta juga amat tinggi. Kes-kes jenayah ini pula saling berhubung-kait antara satu sama lain kerana apabila berlaku rompakan umpamanya kejadian bunuh dan rogol turut terjadi sama. Keadaan ini semua memberikan gambaran yang agak mengerikan walaupun kualiti kehidupan meningkat dan bertambah baik. Lebih memburukkan keadaan kebanyakan kes-kes jenayah ini melibatkan golongan remaja yang menjadi aset penting pembangunan dan kemajuan negara masa hadapan.

Selain peningkatan kadar jenayah, juga menyaksikan berlakunya peningkatan kadar pencemaran alam sekitar kaitan daripada proses pembangunan. April-Mei 2000 menyaksikan bencana jerubu yang amat hebat melanda Nusantara gara-gara kerakusan penebangan hutan dan pembakaran berleluasa di Sumatera atas alasan ekonomi perladangan. Proses penggondolan kawasan sekitar Taman Pertanian Malaysia Bukit Cahaya Seri Alam (Bukit Cerakah dahulunya) pada awal 2005 menyebabkan berlakunya pembangunan tanpa kawalan sehingga dikhuatiri memusnahkan

ekosistem dan biodiversitinya. Pembersihan hutan di kawasan tersebut bukan sahaja membawa kerugian balak tetapi mendatangkan masalah banjir akibat mendapan lumpur. Pembersihan hutan itu juga menyebabkan meningkatnya suhu kawasan sekitar kerana tiadanya tumbuhan yang mampu menyerap haba dan menjejaskan juga bekalan oksigen.

Senario ini berlaku kerana modal insan yang dilahirkan itu adalah mereka yang pincang dan bukan individu mempunyai nilai murni dan moral yang tinggi, beretika, berbudi pekerti, bersopan santun, berdisiplin, dinamik, inovatif, kreatif, sihat, bersemangat patriotik, adil, progresif, cekal dan berdaya saing walaupun berilmu. Mereka adalah individu yang mengejar kemewahan dalam kehidupan dengan jalan pintas tanpa memikirkan kepentingan orang lain. Dalam kepantasan bergerak untuk mengejar peluang yang terbentang itu menyebabkan ada di antara individu yang tertinggal dan terkandas kerana tidak dapat bersaing memandangkan mereka mungkin kekurangan dari segi ekonomi, pendidikan, kemahiran, status sosial dan sebagainya. Bagi mereka yang tertinggal dan terkandas itu, jalan pintas untuk bersaing dengan yang berjaya adalah melalui sesuatu yang bertentangan dengan undang-undang. Mereka akan cuba menanggung keuntungan dari kemewahan dan kegigihan mereka yang berusaha dengan apa cara sekalipun. Dalam usaha itulah mereka akan bertindak ganas sehingga memungkinkan berlakunya kezaliman dan penganiayaan. Bagi mereka yang terlibat itu mereka adalah insan yang mementingkan diri sendiri, rakus, angkuh dan tidak bertanggungjawab. Menurut Bukhari dalam *Tajus al-Salatin*, mereka adalah di kalangan orang-orang yang alpa dan leka ke atas hakikat kejadian dan amanah yang dipertanggungjawab bagi memakmurkan bumi ini. Oleh itu, kehidupan yang dilalui itu adalah sia-sia belaka kerana tidak menggunakan akal kurniaan Allah dan kedudukan mereka setaraf dengan binatang. Golongan ini dinamai Bukhari sebagai 'Yang bebal' dan 'Yang alpa' kerana tidak menggunakan peluang yang ada dalam memakmurkan dunia.

Menelusuri Warisan Silam Membentuk Modal Insan

Sastera umumnya dianggap berfungsi semata-mata sebagai satu bentuk hiburan bagi mengisi
Perlis, Malaysia, 29-31 Mac 2010

ruang masa lapang. Sememangnya keadaan ini tidak dapat dinafikan kerana sastera menitikberatkan unsur keindahan yang dapat menyentuh jiwa khalayaknya hasil daripada kreativiti dan kebijaksanaan pengarangnya. Walaupun keindahan dan fungsi hiburan menjadi kekuatan sastera tetapi unsur pengajaran terkandung di dalamnya jika dicerap akan turut membawa manfaat besar kepada khalayaknya. Dalam konteks ini, kesusasteraan Melayu tradisional turut menyumbang ke arah matlamat yang sama. Segala bentuk pemikiran dan falsafah yang dibawa juga memberikan manfaat dan kekal sepanjang zaman.

Dalam *Tajus al-Salatin* umpamanya, modal insan yang merupakan individu yang berilmu, berkeyakinan, mempunyai nilai murni dan moral yang tinggi, beretika, berbudi pekerti, bersopan santun, berdisiplin, dinamik, inovatif, kreatif, sihat, bersemangat patriotik, adil, progresif, cekal dan berdaya saing ini juga dianjurkan bagi menegakkan keadilan untuk kemakmuran bersama. Modal insan sebagai pemimpin masa hadapan yang dianjurkan itu diharapkan dapat menginsafi diri tentang peranan dan tanggungjawab yang diamanahkan Allah. Mereka yang memahami adalah mereka yang "berbudi dan berakal" dan akan mendapat ganjaran pahala yang berlipat ganda sama ada semasa hidup di dunia mahupun di akhirat kelak seperti yang dijanjikan. Sungguhpun tidak terdapatnya kriteria khususnya tentang pemimpin dalam genre ini, Jelani Harun (2003: 151-159) merumuskan ciri-ciri pemimpin ini berdasarkan tiga buah karya iaitu *Nasihah al-Muluk*, *Tajus al-Salatin* dan *Bustan al-Salatin*. Hasilnya beliau telah merumuskan 10 ciri yang boleh diketengahkan sebagai kriteria pemimpin yang adil dan antara lainnya adalah seperti berikut:

- i. Raja harus memahami tugas dan tanggungjawab
- ii. Raja harus beriman dan beramal salih
- iii. Raja harus menjadikan peribadi yang adil pada masa lalu sebagai contoh
- iv. Raja harus mengamalkan sifat sederhana
- v. Raja harus sentiasa mendampingi kehidupan rakyat
- vi. Raja harus mengadili pertikaian rakyat
- vii. Raja harus menghormati ulama
- viii. Raja harus bijaksana
- ix. Raja harus mengasihi rakyat
- x. Raja harus mengekalkan peribadi yang baik

Kesemua sepuluh ciri yang diterakan di atas adalah bersandarkan kepada ajaran agama Islam. Jika diperhalusi, kesemua ciri ini menganjurkan agar para pemimpin seharusnya memiliki kualiti diri yang positif yang menyamai konsep modal insan yang dihasratkan oleh Tun Abdullah Ahmad Badawi. Oleh itu, bagi mencapai kualiti diri yang positif ini mereka seharusnya mengamalkan sifat yang sederhana dalam serba serbi termasuk ke atas perkara-perkara yang asas sekali seperti makan, minum, tidur dan syahwat. Ini bermakna bahawa dalam kehidupan tidak boleh berlebih-lebihan kerana ia amat memudaratkan sehingga membawa kepada kealpaan dan kekekaan. Selain itu, para pemimpin diharuskan supaya beriman dan beramal salih dan dengannya akan melahirkan peribadi yang baik serta dapat memahami tugas dan tanggungjawab yang dipikul. Memiliki keperibadian yang positif akan memudahkan para pemimpin didampingi dan dikasihi rakyat dalam mengadili segala pertikaian yang timbul. Bagi mengelakkan berlakunya kezaliman dan salah tadbir dalam pemerintahan maka dianjurkan agar para pemimpin mendampingi para ulama dan bijak pandai bagi mendapatkan nasihat. Berdampingan dengan mereka tentunya akan melahirkan para pemimpin yang bijaksana yang mampu menegakkan keadilan bagi manfaat semua.

Jelasnya, menurut dan mematuhi kesemua puluh ciri-ciri itu tentunya akan cenderung melahirkan pemimpin yang adil. Selain adil para pemimpin tentunya akan memahami peranan dan tanggungjawab yang diamanahkan oleh Allah ke atas umatNya termasuk juga para pemimpin sebagai “Khalifah Allah di muka bumi” bagi memakmurkannya. Pemahaman terhadap peranan dan tanggungjawab yang diamanahkan itu akan dapat menghindarkan diri daripada digelar sebagai “yang sia-sia” dan “yang bebal” iaitu ungkapan yang kerap kali disebut-sebut oleh Bukhari al-Jauhari. Oleh itu, para pemimpin yang “berbudi dan berakal” akan memahami peranan dan tanggungjawabnya dan mereka berkali-kali diperingatkan oleh Bukhari al-Jauhari akan janji Allah tentang ganjaran pahala yang berlipat ganda sama ada semasa hidup di dunia mahupun di akhirat kelak.

Walaupun karya ketatanegaraan Melayu dilihat sebagai merujuk hanya kepada para *Perlis, Malaysia, 29-31 Mac 2010*

pemimpin negara (kerajaan) sahaja tetapi jika diperhalusi jelas sekali ia sebenarnya merujuk kepada setiap individu. Keadaan ini jelas dinyatakan oleh Bukhari secara berperingkat-peringkat di bahagian awal karyanya *Tajus al-Salatin* tanpa terus membincangkan para pemimpin secara khusus sama ada raja mahupun pembantu raja seperti perdana menteri, bendahari, hulubalang/panglima, penyurat dan utusan. Bagi menyedarkan bahawa setiap individu itu merupakan seorang pemimpin, Bukhari lebih awal membincangkan persoalan kosmologi yang dikaitkan dengan kebesaran Allah dalam empat fasal yang pertama daripada 24 fasal keseluruhannya. Braginsky (1998: 329) yang menyentuh persoalan ini menyatakan:

Bagian pertama (1) kitab ini terdiri dari 4 bab (1-4), yaitu tentang pengenalan diri, pengenalan Khalik, hakikat hidup duniawi, dan tentang nafas terakhir pada saat ajal tiba. Dalam bab-bab ini, sambil bertolak dari pandangan tasawuf, Bukhari al-Jauhari mengemukakan dan mengalaskan konsepnya tentang kenegaraan dan sandarannya, yaitu seorang raja yang adil.

Menurut padangan ini kebesaran manusia berpangkal pada rupa Khalik yang indah dan sempurna, yang tersimpan di dalam diri manusia itu sendiri. Dengan mengenal diri sendiri, di depan pandangan dunia seseorang dapat menyatakan rupa tersebut setelah menjadi Insan Kamil, yang dikurniai gelar sebagai kalifah Allah di muka bumi.

Pemahaman ke atas konsep ‘raja yang adil’ akan menyedarkan bahawa setiap individu itu adalah juga merupakan seorang pemimpin. Sebagai pemimpin mereka mempunyai peranan dan tanggungjawab seperti yang diamanahkan ke atas setiap umat manusia yang dijadikan Allah di muka bumi ini. Setiap individu itu dan lebih-lebih lagi para pemimpin akan menginsafi bahawa diri mereka adalah makhluk ciptaan Allah. Sebagai makhluk ciptaan Tuhan, mereka seharusnya sedar akan kebesaran dan kekuasaan Allah berbanding kekerdilan mereka dan oleh itu kepatuhan kepadaNya adalah dituntut. Keadaan ini jelas tergambar dalam fasal pertama *Tajus al-Salatin* apabila Bukhari membuka bicara dengan

menganjurkan pemahaman ke atas hadith, “Barang siapa mengenal dirinya, maka sesungguhnya mengenal Tuhannya,” dan seterusnya lantas mengulas:

Bermula daripada erti hadith ini nyatalah bahawa yang **tiada dapat tidak daripada mengenal dirinya manusia pada pertama, maka dapat ia mengenal Tuhannya** (hitam – penegasan penulis) pada kemudiannya kerana jika manusia itu tiada mengenal dirinya dan tiada mengetahui akan perinya itu, maka tiadalah dapat ia mengenal maut pun daripada barang sesuatu yang ada ini.

(*Tajus al-Salatin* 1966: 9)

Bagi menyokong hujahnya tentang hadith tersebut, Bukhari membincangkan proses kejadian manusia itu sendiri yang berpunca daripada setitik air manusia (air mani) yang terpancar keluar dari antara pinggang dan tulang dada. Di sini, beliau kemudiannya merujuk kitab *Ijadul 'Ibad* yang antara lain berbunyi:

...apabila hak Subhanahu wa Taala mengkehendaki menjadikan manusia dengan kudrat-Nya lelaki dan perempuan setubuh dengan hukumnya dan air mani itu daripada salbi lelakilah turun kepada rahim perempuan mengatakan sehingga empat puluh hari air mani itu dalam rahim jua tiada berubah nutfah itu dan kemudian daripada itu dijadikan air itu darah yang mengatakan alaqah namanya dan sehingga empat puluh hari lagi darah jua dalam rahim itu. Kemudian darah itu dijadikan daging yang menyatakan mudhghah namanya sehingga empat puluh hari lagi daging jua dalam rahim itu. Kemudian Tuhan Yang Maha Besar itu dengan kudrat dan hikmat-Nya dijadikan di dalam rahim itu padanya daging dan tulang dan aurat dengan rupa manusia dengan selengkapnya lelaki atau perempuan.

Kemudian maka disuratkan rezekinya dan umurnya dan celaknya dan untungnya. Kemudian memberi nyawa padanya dan menghantarkan rezekinya dan memelihara akan ia dalam perut ibunya itu dengan kuasanya

sehingga sembilan bulan dan sembilan hari dan sembilan ketika. Maka kemudian keluarlah ia daripada perut ibunya ke dalam dunia dan kemudian dipeliharakan ia daripada segala kejahatan sehingga ia ingat ia akan dirinya dan dianugerahkan padanya budi dan bicara dan pendengar dan penglihatan dan penjimat dan perasa pada lidah dan paras tubuh dan bagai-bagai nikmat dan daulat yang tiada terkira-kiranya adanya itu diberikan padanya dengan anugerah-Nya juga, bukan daripada sesuatu sebab kebajikan dan kesaktian hamba, melainkan dengan kurnia-Nya pada mengasihani hamba-Nya juga...

(*Tajus al-Salatin* 1966: 10)

Perbincangan tentang hakikat kejadian manusia itu kemudiannya disambung pula dengan tiga fasal seterusnya yang meliputi kebesaran Allah, hakikat kehidupan di dunia, dan tentang saat-saat kematian. Secara umumnya, empat fasal pertama ini mempertegaskan bahawa manusia itu adalah ciptaan Allah dan segala bentuk kejadian itu sama ada manusia, dunia dan segalanya itu adalah ketentuanNya. Oleh itu, setiap manusia seharusnya mengucap syukur akan segala nikmat yang dikurniakan kepadanya dan seterusnya tunduk patuh kepadaNya. Braginsky (1994: 209-210) mengupas lebih lanjut dan menjelaskan:

...kebesaran manusia berpunca daripada rupa Khalik yang indah dan sempurna yang tersimpan dalam dirinya. Maka dengan mengenal dirinya itu, manusia dapat mendedahkan rupa tersebut kepada pandangan dunia setelah menjadi insan kamil yang dikurniakan gelaran khalifah Allah di bumi. Dalam pada itu, dunia mempunyai nilai dan maknanya yang tersendiri meskipun lekas berubah dan serba fana. Ini disebabkan dunia ialah tempat ujian tingkah laku manusia untuk menentukan sama ada kehidupan abadinya akan penuh azab sengsara ataupun penuh kenikmatan.

Jelasnya, Bukhari dalam karyanya *Tajus al-Salatin* ingin menjelaskan bahawa pemimpin dan manusia lainnya adalah sama sahaja kerana

melalui proses kejadian yang serupa. Ini bermakna bahawa pemimpin yang dirujuk dalam karya ketatanegaraan Melayu-Islam itu bukanlah semata-mata pemimpin sesebuah negara tetapi meliputi sesiapa sahaja termasuklah individu yang mengetuai ataupun memimpin sesebuah masyarakat, komuniti, organisasi, pertubuhan, kumpulan dan termasuk juga sekecil-kecilnya sebuah keluarga. Sehubungan itu, dalam penghidupannya yang serba rencam dan maju ini setiap individu adalah saling bergantung antara satu sama lain. Sebarang keputusan yang pincang akan membawa kemudaratan dan penganiayaan kepada semua. Kemudaratan dan penganiayaan yang berlaku itu secara langsung akan menzalimi individu lain.

Pemaparan kes-kes di atas yang berkaitan dengan jenayah dan pencemaran alam sekitar ini adalah satu contoh yang amat ketara terhadap kelemahan jiwa para 'pemimpin' sama ada individu mahupun mereka yang terlibat dalam organisasi tertentu terutamanya di pihak kerajaan. Satu hal yang dapat diinsafi ialah kelemahan jiwa ini memperlihatkan kerendahan moral dan kredibiliti kepimpinan yang terlibat. Kealpaan dan kekekaan berlaku dalam mengejar kemewahan dan kekayaan tanpa menghiraukan hak-hak orang lain dalam sesuatu yang dikongsi secara kolektif dan dalam konteks ini hutan umpamanya. Sehubungan itu, konsep keadilan yang dipertegas dan dianjurkan oleh Bukhari dalam *Tajus al-Salatin* itu adalah amat bertentangan sekali. Sebagai khalifah Allah di muka bumi bagi mentadbir dan memakmurkannya untuk dikongsi secara bersama sesama insan telah tidak mencapai matlamatnya. Kebanyakan keputusan dan tindakan yang diambil itu hanya menguntungkan segelintir pihak sahaja tanpa menghiraukan pihak yang lain. Ini menjadikan mereka sebagai manusia yang diistilahkan oleh Bukhari sebagai "yang sia-sia dan yang bebal," kerana gagal menjalankan peranan dan tanggungjawab yang diamanahkan itu.

Secara umumnya, kehadiran genre ini ke Alam Melayu jelas sekali membawa suatu penganjuran konsep pentadbiran yang berteraskan Islam bagi menegakkan keadilan untuk dinikmati faedahnya sesama insan. Kehadiran genre ini juga secara langsung mewujudkan tradisi penulisan genre ketatanegaraan Melayu-Islam yang berteraskan acuan sendiri di alam Melayu dengan

Perlis, Malaysia, 29-31 Mac 2010

terdapatnya sejumlah karya yang agak terhad. Walaupun ia popular kepada khalayak zamannya dalam membantu urusan pentadbiran tetapi manfaat dan faedah yang disarankan di dalamnya dapat diperakukan sepanjang zaman memandangkan saranan-saranan yang dibawanya adalah sealiran dengan ajaran agama yang dianuti sebahagian besar penduduk alam Melayu. Penghayatan terhadap idea yang diutarakan dalam karya kesusasteraan Melayu tradisional ini dari perspektif modal insan tentunya akan dapat dimanfaatkan bagi melahirkan individu yang lebih positif dan sensitif terhadap kebajikan bersama mengikut acuan sendiri. Oleh itu, hasilnya selari dengan matlamat pembangunan modal insan yang dihasratkan Tun Abdullah Ahmad Badawi dalam membentuk individu yang berketrampilan – perkasa diri dari segi fizikal, jasmani, intelek dan rohani dengan 'Yang berakal' dan 'Yang berbudi' bagi Bukhari 407 tahun lalu. Keadaan ini memperlihatkan kerelevanan sastera Melayu tradisional khususnya karya *Taj al-Salatin* dalam menangani masalah semasa dan seterusnya karya ini perlu diambilkira untuk diketengahkan, direnungi dan ditelusuri agar pemikiran Melayu silam tidak terabai.

Kesimpulan

Kehadiran *Tajus al-Salatin* secara langsung memulakan tradisi penulisan genre ketatanegaraan Melayu-Islam yang berteraskan acuan sendiri di alam Melayu. Genre ini jelas sekali membawa suatu penganjuran konsep kepimpinan yang berteraskan Islam bagi menegakkan keadilan untuk dinikmati faedahnya sesama insan. Penghayatan terhadap idea yang dianjurkan dalam karya kesusasteraan Melayu tradisional ini tentunya akan dapat dimanfaatkan untuk melahirkan individu yang lebih positif dan sensitif terhadap kebajikan bersama mengikut acuan sendiri. Umumnya, bolehlah dikatakan bahawa karya-karya sastera Melayu tradisional seperti contohnya *Tajus al-Salatin* masih relevan dalam konteks semasa untuk dicerap pemikiran dan pengajarannya bagi menangani persoalan-persoalan kontemporari. Penghayatan ke atas teks ini akan menghasilkan para pemimpin yang adil dan keadilan itu akan dapat dimanfaati oleh segenap lapisan masyarakat di bawah pimpinannya. Para pemimpin – modal insan atau generasi masa hadapan yang bakal lahir akan

mendapat kebahagiaan bukan sahaja di dunia tetapi juga di akhirat kelak seperti yang telah dijanjikan Allah kepada umatNya yang patuh. Modal insan ini pula akan memahami dan memenuhi tuntutan kejadiannya bagi memakmurkan bumi ciptaan Tuhan ini supaya wujud nanti suatu kehidupan yang makmur serta dapat dikongsi bersama. Oleh itu, jelas sekali bahawa karya kesusasteraan Melayu tradisional seperti *Tajus al-Salatin* ini mampu memberi sumbangan yang bermakna kepada khalayaknya dalam memupuk pembentukan kualiti diri yang ideal bagi para pemimpin.

Rujukan

- Becker, G.S. 1975. *Human Capital. A Theoretical and Empirical Analysis, with Special Reference to Education*. Chicago: University of Chicago Press.
- Braginsky, V.I. 1994. *Erti keindahan dan keindahan erti dalam kesusasteraan Melayu tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Braginsky, V.I. 1998. "Cermin Didaktis Bagi Raja (Hidayat)." Dlm. Braginsky. *Yang indah, berfaedah dan kamal: Sejarah sastra Melayu dalam abad 7-19*. Jakarta: Inis.
- Jelani Harun. 1996a. "Bustanus Salatin: Konsep Sejarah Dunia dari Perspektif Historiografi Islam," *Dewan sastera* (4): 41-50.
- Jelani Harun. 1996b. "Sifat-sifat Perempuan Menurut Syeikh Nuruddin ar-Raniri dalam kitab *Bustanus Salatin*," *Dewan sastera* (10): 33-39.
- Jelani Harun. 2001. "Karya Ketatanegaraan dan Kemunculan Tradisi Adab Melayu," *Dewan sastera* (7): 44-49.
- Jelani Harun. 2003. *Pemikiran adab ketatanegaraan kesultanan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Teuku Iskandar. 1995. *Kesusasteraan Klasik Melayu Sepanjang Abad*. Brunei: Universiti Brunei Darussalam.

